

Ciri- Ciri Penasihat Akademik

Tuan Khairul Adhar Bin Tuan Kub & Nur Qistina Bte Abdullah

Menurut Tuan Baharom Mahmood (1996) menyatakan bahawa beberapa ciri penasihat akademik adalah seperti berikut:-

- i. Matang.
- ii. Berpengalaman dalam pengajaran.
- iii. Faham dan arif tentang sistem akademik.
- iv. Bersikap terbuka atau 'aproachable'.
- v. Peka dan simpati dengan masalah pelajar.
- vi. Berpengalaman dalam pentadbiran.

Ciri-ciri personaliti yang telah disenaraikan akan dapat membentuk satu personaliti penasihat akademik yang akan membantu pelajar dalam menangani segala urusan yang tidak dapat diselesaikan mereka. Personaliti penting untuk menjadikan seseorang lebih dihormati dan dikagumi. Menurut JFJ Dashed (1993) (dalam Mahmood Nazar), menyebut personaliti seseorang adalah gambaran keseluruhan tentang tingkahlaku yang tersusun kerana ia dapat dinyatakan oleh sesama manusia dengan cara yang tekal. Personaliti dan sahsiah adalah melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu seperti cara dia berfikir, beraksi, beremosi, berpersepsi yang membolehkannya dibezakan dengan orang lain.

Personaliti yang seimbang dapat menunjukkan kematangan seseorang. Menurut Mourrer (1951) (dalam Vivakanadan 1998), menyatakan kematangan seseorang akan dapat menjayakan suatu proses dengan berkesan. Manakala menurut Tyler (1969) (dalam Vivakanadan 1998) menganggap kebolehan intelektual seseorang serta kestabilan emosinya secara umum membolehkan sesuatu proses kehidupan berjalan dengan baik.

Ciri-ciri dan personaliti yang telah disenaraikan perlulah dimiliki oleh seorang penasihat akademik agar dirinya dapat menjadi contoh yang terbaik kepada pelajar dibawah penasihatannya. Sekiranya ciri-ciri yang telah disenaraikan tidak dimiliki oleh penasihat akademik maka akan berlaku kepincangan dan kelemahan dalam membantu pelajar-pelajar.

Menurut Buletin P&P (2005) pula, Penasihat Akademik yang baik dan berwibawa hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Peka dan simpati terhadap masalah pelajar.
- ii. Matang dan bersikap terbuka.
- iii. Faham dan arif dalam sistem dan peraturan akademik.
- iv. Berpengalaman dan faham kepentingan kaunseling.
- v. Peka kepada sokongan yang ada.
- vi. Meluangkan masa untuk berjumpa dengan pelajar di bawah penasihatannya.

Menurut Metz et. al (1981) pula, mengatakan bahawa penasihat akademik yang baik mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- i. Berkarisma dan secara profesional berminat untuk menjadi penasihat.
- ii. Mendengar secara membina dan cuba mendengar mengenai semua aspek masalah yang dikemukakan oleh para pelajar.
- iii. Mengetahui dan arif mengenai polisi universiti dan prosedur dengan lengkap untuk memberitahu pelajar maklumat yang tepat dan berguna.
- iv. Membawa pelajar ke sumber maklumat dan bantuan yang lain apabila rujukan yang terbaik perlu dibuat.
- v. Cuba memahami pelajar dengan mengambil berat tentang pandangan pelajar.
- vi. Melihat perancangan jangka panjang, seperti penyelesaian masalah yang cepat sebagai bahagian yang penting untuk penasihat yang efektif.
- vii. Berkongsi pengetahuan tentang penasihat dengan rakan sekerja yang terlibat dalam bidang penasihat.
- viii. Mencuba secara berterusan untuk meningkatkan gaya dan kandungan penasihatannya.
- ix. Berkeinginan dan aktif melibatkan diri dalam program latihan penasihat dari awal hingga akhir.